

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI
PETANI]**

TARIKH : 7 OGOS 2018 (SELASA)

SOALAN : 26

**YB Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (a) bilakah projek naik taraf landasan KTM di Lembah Klang dan Pantai Timur akan lengkap dilaksanakan, kenapa kelewatan ; dan
- (b) syarikat mana dan berapa kos yang terlibat setiap satu projek ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek naik taraf landasan KTM di Lembah Klang Fasa 1 (Rawang – Salak Selatan) telah dilaksanakan oleh syarikat Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn. Bhd. (DMIA). Kontraktor telah dilantik pada 20 September 2015 secara rundingan terus dengan kos kontrak RM1.41 billion dan dijangka siap pada 1 November 2019 iaitu dalam tempoh 48 bulan. Status terkini kemajuan projek adalah 67% berbanding 71% yang dirancang iaitu lewat sebanyak 4%. Projek ini mengalami sedikit kelewatan disebabkan kekangan ruang kerja di tapak projek di mana kekerapan operasi tren yang tinggi bagi tren-tren komuter, ETS dan kargo yang melalui sektor Lembah Klang. Pihak kontraktor juga mengalami masalah daripada segi penyediaan tenaga kerja dan jentera landasan yang masih belum dioptimumkan.

Manakala pelaksanaan projek naik taraf landasan di Pantai Timur pula dibahagikan kepada 3 pakej iaitu:

Pakej A - Pemulihan landasan dari Gemas hingga Mentakab oleh syarikat Hikmat Asia Sdn. Bhd. dengan kos RM216.9 juta. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 36 bulan. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor pada 6 Januari 2016 dan tarikh siap asal adalah pada 20 Februari 2019. Permohonan Lanjutan Masa telah diluluskan dan tarikh siap baharu adalah pada 16 April 2019. Kemajuan

projek adalah 36% berbanding 67% yang dirancang iaitu lewat sebanyak 31%. Usaha-usaha telah diambil untuk memberi teguran kepada kontraktor memandangkan kelewatan yang serius.

Pakej B - Pemulihan Landasan dari Mentakab hingga Gua Musang oleh syarikat Fajarbaru Builder Sdn. Bhd. dengan kos RM259.7 juta. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 36 bulan. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor pada 3 Mei 2016 dan tarikh siap asal adalah pada 2 Jun 2019. Kemajuan projek adalah 53% berbanding 68% yang dirancang iaitu lewat sebanyak 15%; dan

Pakej C - Pemulihan Landasan dari Gua Musang hingga Tumpat oleh syarikat Emrail Sdn. Bhd. dengan kos RM301.4 juta. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 30 bulan. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor pada 18 Disember 2015 dan tarikh siap asal adalah pada 3 Ogos 2018. Permohonan Lanjutan Masa telah diluluskan dan tarikh siap baru adalah pada 29 Januari 2019. Kemajuan projek adalah 46% berbanding 51% yang dirancang iaitu lewat sebanyak 5%.

Perolehan bagi ketiga-tiga projek di atas dilaksanakan melalui Tender Terhad (*Selected Tender*) dan secara keseluruhannya dijangka siap pada penghujung tahun 2019. Kelewatan adalah disebabkan isu berkaitan hujan lebat serta berlaku banjir (*monsoon season*) di tapak projek pada penghujung tahun 2016 dan 2017 yang menyebabkan tanah runtuh dan *track washout*. Di samping itu masalah akses ke tapak yang terhad serta

kekurangan jentera landasan di pihak kontraktor turut menyumbang kepada kelewatan projek.